

## **Judi Adalah Haram Di Singapura – Satu Ironi & Paradoks**

© Muhammad Haniff Hassan

### **Pemerintah Singapura & Judi**

Dalam perbahasan di parlimen berkaitan pindaan undang-undang bagi membolehkan judi bola disahkan, Dr Richard Hu, Menteri Kewangan Singapura dilaporkan di Straits Times (19 Mac 1999) berkata;

*“The objectives in legalising football are to provide a source of funds to support the development of the S-League and local football and to promote sports in general and to help stamp out illegal football betting.”*

Di dalam buku laporan tahunan 1998, Singapore Pools (Private) Limited (sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh pemerintah Singapura melalui Temasek Holdings (Private) Limited dinyatakan

*“.....as a legal lottery operator in a bid to curb the illegal gambling activities rampant in the 1960s. Our objectives back then and now are firstly, to provide legal avenue for betting in Singapore and secondly to channel the proceeds from sales towards the good of our community.”*

Dari kenyataan ini bolehlah juga ditanggapi pendirian pemerintah Singapura terhadap judi yang sah bahawa ia adalah satu langkah pragmatik bagi mengatasi judi haram dan bagi mewujudkan sumber dana untuk tujuan sosial atau tujuan-tujuan lain.

### **Produk-produk & Pengoperasi Judi**

Secara khusus produk-produk judi, yang ditawarkan di Singapura hari ini ialah permainan *Toto*, *4D*, *4D Sweep*, *Singapore Sweep*, *Score* (Judi Bola), judi berkaitan lumba kuda dan mesin slot (*jackpot*).

Organisasi yang mengoperasikan judi sah di tempat awam di Singapura ialah

1. *Singapore Pools Private Limited*. Sebuah syarikat yang didaftarkan pemerintah pada 23 Mei 1968 dan kini adalah anak syarikat milik *sepenuh Temasek Holdings (Private) Limited*, sebuah syarikat pelaburan bagi pemerintah Singapura.
2. *Singapore Turf Club*, sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah *Singapore Totalisator Board Act* (Cap 305A). Sebagai sebuah badan berkanun ia dikawal oleh pemerintah dari segi perlantikan Penggerusi dan ahli Majlisnya, pengurusan dan peraturan operasinya. Lihat Jadual Satu, *Singapore Totalisator Board Act*.

Walau pun pada asalnya judi hanya boleh dijalankan dengan izin dari pemerintah, organisasi judi yang menawarkan produk judi untuk umum pula hanyalah dua dan

dikawal langsung oleh pemerintah dan produk-produk judi juga adalah terhad, namun ditinjau dari segi saiz, aktiviti judi di Singapura bukanlah kecil atau sedikit.

### **Wang Judi**

*Singapore Pools* dalam buku laporan tahun 1998 melaporkan bahawa jumlah pendapatan dari jualan mencapai \$2.49 bilion. Peningkatan sebanyak 7.7% dari tahun sebelumnya. \$1.58 bilion digunakan bagi membayar hadiah. Jumlah keuntungan bersih sebelum cukai mencapai \$91.9 juta. \$646 juta dibayar kepada pemerintah sebagai cukai.

Sebanyak \$325 juta di bawa ke hadapan dari tahun 1997. \$99.8 juta pula disumbangkan untuk sukan, kebajikan dan kerja kemasyarakatan.

Pendapatan yang dinyatakan di atas belum lagi dimasukkan pendapatan judi dari *Singapore Turf Club* dan dari judi bola yang baru bermula pada tahun 1999.

Berdasarkan kepada fakta di atas boleh disimpulkan bahawa judi di Singapura memberi pulangan yang lumayan kepada pemerintah dalam bentuk cukai. Selain itu ia juga membantu untuk menampung kos kebajikan masyarakat melalui derma yang dibuat oleh pengendali judi dan mewujudkan peluang kerja yang menghasilkan pelbagai faedah ekonomi yang lain.

### **Kebimbangan-kebimbangan**

Jelas sekali sumbangan positif judi dari segi ekonomi dan kewangan. Namun, kita tidak boleh membiarkan judi hanya dengan melihat manfaatnya sahaja. Faktor kewangan sahaja pula tidak wajar untuk dijadikan alasan bagi penerusan aktiviti judi.

Judi dicela oleh pelbagai agama utama di Singapura. Judi juga tidak sejajar dengan nilai masyarakat utama Singapura. Kebanyakan akibat negatif dari judi telah dimaklumi oleh umum. Pemerintah juga dalam pernyataannya mengakui hakikat ini.

Walau bagaimana pun, pada ketika pemerintah berpendapat bahawa bukan polisi pemerintah untuk menggalakkan amalan berjudi di kalangan masyarakat tetapi untuk mengawal dan menghapuskan judi haram, aktiviti judi semakin berkembang pesat.

Produk baru judi semakin bertambah seperti produk SCORE (judi bola). Aktiviti lumba kuda mendapat sokongan untuk mendapat kemudahan baru yang lebih yang membolehkan penglibatan yang lebih besar dari masyarakat. Perlumbaan kuda bertambah dari hanya pada hujung minggu kepada perlumbaan malam di hari Rabu. Baru-baru ini, tawaran dibuka kepada umum bagi mengoperasikan 50 kaunter baru bagi penjualan produk-produk Singapore Pools.

Cara pemasaran judi seperti apa yang dibuat oleh Singapore Turf Club melalui hari terbuka bagi keluarga ke tempat perlumbaan di Kranji adalah inisiatif yang mengelirukan. Ia memberi imej bahawa perlumbaan kuda bukan lagi sebagai aktiviti judi tetapi sebagai

rekreasi dan hiburan yang sesuai untuk keluarga. Anak-anak sejak kecil lagi dibiasakan dengan aktiviti ini. Ini pastinya akan merubah nilai masyarakat. Hakikat ini pula menimbulkan persoalan terhadap pendirian sebenar pemerintah terhadap judi.

Adalah ditakuti sekiranya usaha judi sah yang sepatutnya bertujuan untuk mengawal aktiviti judi dan menghapuskan judi haram, bertukar satu industri yang dimonopoli oleh pemerintah sendiri.

Begitu berhasil usaha penguatkuasaan sehingga tidak ada sesiapa yang berjudi kecuali melalui judi yang sah. Begitu berkesan pemasaran yang dibuat sehingga mampu menghasilkan penjudi-penjudi baru. Maka tidak mustahil, pada jangka panjang, tiba-tiba disedari bahawa hampir semua ahli masyarakat Singapura ada terlibat dengan judi, sedikit atau banyak.

### **Niat Yang Baik, Jalan Yang Salah**

Sering kali aktiviti judi sah dijalankan kerana peranan ‘positif’ nya kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi. Judi sah menyumbang bilion dolar kepada banyak pemerintah dari segi cukai dan membantu kos penyelenggaraan program-program sosial. Judi sah menyediakan peluang kerja dan pendapatan. Dari pendapatan berkenaan dikutip pula cukai pendapatan dan faedah-faedah lain.

Begitu lumayan sumbangan judi sah pada kemajuan ekonomi sesebuah negara, maka tidak hairan jika ia dapat mengaburi kesan-kesan buruk dari aktiviti judi. Pihak berkenaan akan berfikir sepuluh kali bukan untuk membatalkan judi sah tetapi hanya untuk membataskannya sahaja.

Sehingga judi sah yang pada mulanya bertujuan untuk menangani persoalan judi haram dan sindiket judi yang banyak berkaitan dengan kumpulan jenayah yang lain berubah menjadi satu hiburan dan permainan alternatif bagi masyarakat umum. Jumlah judi haram dapat dikurangkan tetapi kadar yang berjudi semakin meningkat melalui judi sah. Kumpulan judi dapat dihapuskan tetapi menghasilkan syarikat judi monopoli yang tidak tersaing kedudukannya. Pihak tertentu yang sepatutnya berperanan sebagai pengawal aktiviti judi menjadi pihak yang bersubahat secara langsung atau tidak dalam membudayakan amalan berjudi dan mempromosinya dalam masyarakat.

### **Judi Membangun Ekonomi??**

Robert Goodman dalam bukunya bertajuk *The Luck Business* (Martin Kessler Book, 1995) telah membuat kajian selama tiga tahun mengenai sumbangan judi sah dan kesannya dari segi ekonomi di Amerika. Beliau menulis di dalam pengantar bukunya

*“A model of economic development that relies on gambling and chance to replace the jobs lost in productive industries is at least a disturbing for our future as the losses suffered by unsuccessful bettors. The shift in the role of governments from being watchdog of gambling to becoming its leading promoters is also troubling. They have*

*taken on the schizophrenic role of picking up the tab for the increase in problem gambling while, at the same time, spending even more to promote its causes. Instead of serving the needs of their citizens, these governments are becoming predators upon them.”*

Dari segi ekonomi, judi turut memberi kesan buruk seperti berikut

- Sumber wang yang boleh disalurkan bagi barang dan khidmat pengguna yang dapat membangun industri yang lebih bermakna. Wang yang mengalir untuk judi adalah sumber yang hilang bagi pemilik restoran, barang runcit dan hiburan yang lain.
- Kos menampung tugas polis, penjara, mahkamah dan lain-lain bagi kes-kes yang berakibat dari amalan judi.
- Sumber wang yang hilang kerana hutang yang tidak terbayar.
- Masa yang terbuang dalam aktiviti judi merupakan kos yang hilang bagi aktiviti ekonomi yang lain.

### **Apa Kata yang Lain??**

Di sisi masyarakat Kristian judi juga dianggap sebagai perbuatan dosa yang dilarang. Ia dilarang kerana ia bertentangan dengan ketentuan tuhan bahawa manusia hendaklah memperolehi sumber hidupnya melalui penat lelah (*Genesis : 3:19*). Ia adalah dosa menyebabkan kerana ia menyebabkan seseorang itu berhutang sehingga hilang tempat tinggal, pekerjaan dan keluarga. Ia menyebabkan ketidakjujuran bagi memperolehi wang yang banyak, ia menyebabkan ketagihan, membunuh inisiatif seseorang untuk berusaha keras dan ia juga satu aktiviti yang mengambil harta orang lain banyak hanya untuk segelintir manusia.

Ajaran Kristian mengajar bahawa aturan tuhan tidak membenarkan *falsafah ‘something for nothing’*. Manusia tidak boleh menghisap hasil usaha mereka yang bekerja (*II Thesalonians 3:10-14, Ephesians 4:28*). Memperolehi sesuatu melalui eksloitasi ke atas orang lain adalah salah (*James 5:1-4*).

Walau pun tiada satu perintah dalam Injil yang mengatakan ‘kamu tidak boleh berjudi tetapi terdapat banyak ayat-ayat yang memberi petunjuk akan pengharaman judi seperti dalam *Matthew 7:12, Corinthians 8:1-13, Romans 14:13-21 dan Colossians 3:1-3*. Rujuk [www.studythebible.com/question/topics/gambling](http://www.studythebible.com/question/topics/gambling).

Pada tahun 1992, *The Salvation Army (United Kingdom)* mengeluarkan satu keputusan bahawa judi adalah buruk bagi moral dan rohani seseorang. Sebahagian dari kenyataan itu berbunyi

*“Since all gambling is motivated by selfishness, it runs counter to the Christian expression of love, respect and concern for others. Often it begins in an apparently harmless way, but its continued practice tends to undermine the personality and character of the gambler and frequently leads to grosser excesses. Official sanction and public acceptance of this evil is, in the opinion of the Salvation Army, contrary to the Christian principles to which it subscribes and therefore opposes any extension of the*

*provision of facilities for gambling, whether by government agencies, charitable organisations or commercial interests." Rujuk [www.salvationarmy.com](http://www.salvationarmy.com)*

Kristian bermazhab *Anglican* pula telah mengeluarkan resolusi dari Konvensyen 1954 yang mencela amalan judi dan melarang penganut Kristian dari berjudi. Pada tahun 1974 pula dilaporkan bahawa gereja *Anglican* mengeluarkan resolusi yang membantah judi sah dalam bentuk kasino di New Jersey dan pada tahun 1995 pula membantah permainan judi mesin loteri di New Jersey, Amerika. Rujuk [www.newark.anglican.org/gambling.html](http://www.newark.anglican.org/gambling.html)

United Church of Canada, sebuah organisasi gereja Protestan terbesar di Kanada, pada tahun 1998 dalam usaha menentang amalan judi menyeru pemerintah pusat agar menubuhkan sebuah jawatankuasa yang akan membuat penilaian terhadap kesan judi sah, judi haram dan judi kebijakan dari segi sosial, ekonomi dan perundangan. Sebahagian dari kenyataan itu berbunyi

*"By calling for a federal inquiry, the church hopes to raise the stakes in what should be a national debate on gambling as a question of public social responsibility and not as a question of moral condemnation." Rujuk [www.uccan.org/news/980429.htm](http://www.uccan.org/news/980429.htm)*

Gereja Presbyterian juga tidak ketinggalan dalam menentang amalan berjudi. Vernon S. Broyles III, seorang paderi gereja berkenaan di Amerika dan editor Majalah Church & Society berkata

*"From the very earliest days of United States history, Presbyterian General Assemblies have condemned gambling in all its forms"*

Rujuk [www.horeb.pcusa.org/churchsociety/marchapril1999/intro.htm](http://www.horeb.pcusa.org/churchsociety/marchapril1999/intro.htm)

Judi pasti juga bertentangan dengan ajaran Buddha dan Hindu kerana inti pati ajaran itu sendiri yang menuntut penganutnya agar meninggalkan nafsu syahwat dan keduniaan untuk keluar dari sengsara dan mencapai darjah tinggi sebagai manusia seperti mencapai Nirwana.

### **Bersama Memadu Tenaga**

Banyak pihak yang mengeji amalan ini. Namun tiada satu usaha bersepadu dan bersama bagaimanapun menangani persoalan ini. Mungkin telah tiba masa, untuk memadu tenaga dalam hal ini.

### **Beberapa Cadangan**

Adalah penting bagi pemerintah, sebagai tanda kesungguhan untuk mengawal dan menghapuskan aktiviti judi untuk merangka satu usaha yang pro aktif bagi menangani amalan judi dalam masyarakat.

Oleh itu dicadangkan agar pemerintah menubuhkan sebuah badan yang dapat melakukan perkara-perkara berikut;

- menggerakkan usaha membanteras judi,
- merawat penyakit ketagihan judi (*compulsive gambling*),
- membuat kempen pendidikan awam terhadap keburukan judi,
- membuat kajian-kajian bagi menangani persoalan judi,
- menasihati pemerintah mengenai polisi berkaitan judi,
- menyediakan bajet bagi tujuan membanteras judi.

Jika kempen budi bahasa dan anti merokok dapat dilancarkan, mengapa pemerintah tidak dapat melancarkan kempen mengenai keburukan judi? Jika sebuah agensi seperti *National Kidney Foundation* dapat ditubuhkan, mengapa tidak dapat ditubuhkan sebuah agensi yang serupa bagi membanteras judi?

Mewujudkan judi sah bukanlah penyelesaian bagi membanteras judi. Langkah-langkah di atas adalah wajar sebagai membayangkan bahawa pemerintah juga tidak menggalakkan amalan berjudi.

Sekiranya pemerintah berpendapat bahawa sebagai negara yang sekular, pemerintah tidak dapat mengharamkan sepenuhnya judi, maka kita berpendapat bahawa keburukan judi bukanlah satu isu agama semata-mata tetapi juga isu sosial sebagaimana persoalan merokok. Sekurang-kurangnya pemerintah memberi gambaran pelaksanaan polisi yang seimbang dengan turut memainkan peranan yang aktif bagi menangani judi dalam masyarakat yang menjangkau hanya penguatkuasaan undang-undang sahaja.